



02 MAR, 2023

## Hanya sebuah syarikat dibenar import telur

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



**PENGIMPORAN telur dari India bagi memenuhi keperluan bekalan bahan itu di dalam negara. – GAMBAR HIASAN**

## Hanya sebuah syarikat dibenar import telur

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan, hanya sebuah syarikat dari India dibenarkan mengimport telur ke negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, syarikat tersebut diberi kelulusan untuk mengimport telur selama enam bulan bermula Disember lalu berdasarkan kepada keupayaannya menghantar bekalan dalam tempoh singkat.

“Syarikat itu diberikan kebenaran berdasarkan pengalaman membawa masuk telur dari India ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 batru-baru ini.

“Namun, kawalan biosekuri-

ti ketat dikenakan yang mana setiap konsainan perlu menjalani ujian *Hold Test Release* (HTR) di pintu masuk bagi memastikan telur diimport bebas daripada patogen selsema burung (HPAI), *Newcastle Disease* (ND) dan salmonella,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat di sini semalam

Beliau menjawab pertanyaan **Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor)** yang meminta kerajaan menjelaskan secara terperinci berhubung syarikat yang mendapat permit mengimport telur dari India.

Kata Mohamad, dasar membenarkan pengimportan telur bersifat sementara bagi memenuhi kekurangan bekalan di dalam negara.



02 MAR, 2023

## Hanya sebuah syarikat dibenar import telur

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan, hanya sebuah syarikat dari India dibenarkan mengimport telur ke negara ini. , Menteriya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, syarikat tersebut diberi kelulusan untuk mengimport telur selama enam bulan bermula Disember lalu berdasarkan kepada keupayaannya menghantar bekalan dalam tempoh singkat. "Syarikat itu diberikan kebenaran berdasarkan pengalaman membawa masuk telur dari India ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 batru-baru ini."Namun, kawalan biosekuriti